

Keautoritian Sahabat Nabi SAW dan *Tabi'in* dalam Periwiyatan Hadith-Hadith *Asbab Al-Nuzul*

Mohd Nazri bin Ahmad ¹& Mohd Shabri bin Yusof ²

¹ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam UKM

² Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

m_nazri@ukm.edu.my (Corresponding email)

Abstrak

Asbab al-Nuzul merupakan komponen terpenting dalam pentafsiran al-Qur'an. Ketepatan tafsiran sesuatu ayat al-Qur'an adalah bergantung kepada pengetahuan tentang *Asbab al-Nuzul*. Membelakangi ilmu *Asbab al-Nuzul* ketika mentafsirkan sesuatu ayat al-Qur'an akan mengundang implikasi yang besar terhadap kefahaman tentang ayat tersebut. Kebanyakan kitab-kitab Tafsir samada dahulu ataupun sekarang akan menyajikan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul*. Namun kebanyakan daripadanya hanya sekadar menyebut riwayat tanpa disertakan sanad yang lengkap, sumber pengambilan dan kritikan terhadap riwayat tersebut. Adalah menjadi kewajipan setiap pembaca untuk memastikan kesahihan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang dipersembahkan oleh mufassir di dalam kitab-kitab mereka. Artikel ini akan membincangkan sumber-sumber yang berautoriti dalam mengetahui riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang sahih supaya pemahaman terhadap ayat-ayat al-Qur'an menjadi lebih tepat. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif secara analisis beberapa buah kitab *Asbab al-Nuzul*, *Ulum al-Qur'an* dan *Ulum al-Hadith*. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati ketidak prihatinan umat Islam terhadap sumber *Asbab al-Nuzul* yang sahih telah memberi impak negatif terhadap akidah umat Islam.

Kata Kunci: *Asbab al-Nuzul*, Sahabat Nabi SAW, *Tabi'in*, Periwiyatan, Hadith

The Authority of the Companions of the Prophet PBUH and *Tabi'in* in the Narration of the Hadiths of *Asbab Al-Nuzul*

Abstract

Asbab al-Nuzul is the most important component in the interpretation of the Qur'an. The accuracy of the interpretation of a verse of the Qur'an depends on the knowledge of *Asbab al-Nuzul*. Turning your back on the knowledge of *Asbab al-Nuzul* when interpreting a verse of the Qur'an will invite great implications for the understanding of the verse. Most of the books of Tafsir either past or present will present the narrations of *Asbab al-Nuzul*. But most of them just mention the narration without including a complete chain, source of recruitment and criticism of the narration. It is the duty of every reader to ensure the authenticity of the narrations of *Asbab al-Nuzul* presented by the commentators in their books. This article will discuss the authoritative sources in knowing the authentic narrations of *Asbab al-Nuzul* so that the understanding of the verses of the Qur'an becomes more accurate. This study uses a qualitative design by analyzing several books of *Asbab al-Nuzul*, *Ulum al-Qur'an* and *Ulum al-Hadith*. These data were then analyzed descriptively. The results of the study found that the indifference of Muslims to the authentic source of *Asbab al-Nuzul* has had a negative impact on the faith of Muslims.

Keywords: *Asbab al-Nuzul*, The Companions of Prophet PBUH, *Tabi'in*, Narration, Hadith

1. Pendahuluan

Al-Quran merupakan sumber utama syariat Islam yang mengandungi prinsip-prinsip dan panduan asas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia sama ada aspek ketuhanan dan akidah, isu-isu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Dalam menyampaikan mesej ini, al-Quran menggunakan pelbagai uslub, antaranya penceritaan kisah dan peristiwa silam, peristiwa semasa penurunan al-Quran dan peristiwa yang akan berlaku. Perkhabaran ini bertujuan memberi pelbagai pengajaran kepada manusia khususnya umat Islam (Manna al-Qattan 2000; Hasan Abbas 2007). Menurut al-Khalidi (1998), penulisan berkaitan *qasas al-Qur'an* banyak dilakukan oleh ulama dari dulu hingga kini bahkan dari dimensi yang rencam. Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* oleh Ibn Kathir, *Qasas al-Qur'an* oleh Hasan Abbas dan *Nazarat fi Ahsan al-Qasas* oleh Muhammad Sayyid Wakil antara karya yang memuatkan sumber asas dalam topik ini.

1. Pengenalan

Asbāb al-Nuzūl merupakan salah satu cabang ilmu hadith. Golongan *Salaf al-Sālih* amat berhati-hati apabila hendak mengeluarkan kenyataan tentang sebab turun sesuatu ayat. Ini dapat dilihat didalam kenyataan mereka seperti berikut: Muḥammad bin Sirīn bertanya kepada ‘Ubaidah berkenaan satu ayat al-Qur’an, beliau menjawab: “Takutlah kepada Allah, katakanlah sesuatu yang tepat, orang-orang yang arif tentang sebab turun al-Qur’an telah lama meninggalkan kita”. (Al-Wāḥidiy. 2003. 14) Schubungan dengan itu, al-Wāḥidiy menegaskan: “Tidak halal bagi seseorang memperkatakan tentang sebab turun sesuatu ayat al-Qur’an kecuali melalui riwayat dan mendengar secara terus daripada generasi yang menyaksikan penurunan al-Qur’an, mengetahui dengan pengetahuan yang sebenar tentang sebab turun sesuatu ayat dan bertungkus lumus berusaha untuk memahami al-Qur’an. Amaran daripada syara’ telah diwartakan bagi sesiapa yang memperkatakan tentang ilmu ini tanpa pengetahuan yang sah”: (Al-Wāḥidiy. 2003. 14)

2. Definisi *Asbāb al-Nuzūl*

Asbāb al-Nuzūl adalah ungkapan yang tersusun daripada dua perkataan iaitu “*Sabab*” dan “*Nuzūl*”. Untuk mendefinisikannya, ia perlu didefinisikan satu persatu.

“*Al-Sabab*” dari Sudut Bahasa

Kalimah “*al-Sabab*” dari sudut bahasa membawa kepada beberapa pengertian iaitu:

Tali: sesuatu yang boleh menyampaikannya kepada orang lain. (Al-Fairūz Ābādiy, 2005: 75) Contohnya firman Allah:

مَنْ كَانَ يَظُنُّ أَنْ لَنْ يَنْصُرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ فَلْيَمْدُدْ بِسَبَبٍ إِلَى السَّمَاءِ ثُمَّ لْيَقْطَعْ فَلْيَنْظُرْ هَلْ يُذْهِبَنَّ كَيْدَهُ مَا يَغِيظُ
(Al-Qur’an. Al-Hajj. 22: 15)

Maksudnya: Sesiapa yang menyangka bahawa Allah tidak sekali-kali akan menolong Nabi Muhammad dalam dunia ini dan di akhirat kelak, maka hendaklah ia menghulurkan tali (serta mengikatnya) di bumbung rumahnya, kemudian hendaklah ia menjerut lehernya (supaya ia mati tercekek); dalam pada itu hendaklah ia memikirkan lebih dahulu, adakah tipu dayanya itu dapat menghapuskan sebab-sebab yang menimbulkan kemarahannya?

Maksud “*Falyamdud bi sabab*” ialah hendaklah ia menghulurkan tali.

Jalan: Contohnya: “*Wa māli ilaihi sabab*”, maksudnya: Aku tidak ada jalan untuk menuju kepadanya. (Al-Zamakhsyariy. 2009. 1: 206)

Kadang-kadang perkataan “*al-Sabab*” digunakan dengan makna *majāziy* membawa maksud: Sesuatu yang boleh menghubungkan seseorang kepada orang lain. (Al-Fairūz Ābādiy. 2005. 75) Contohnya Firman Allah:

إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتُّبِعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوُا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ

(Al-Qur'an. Al-Baqarah. 2: 166)

Maksudnya: (Iaitu) ketika ketua-ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan di antara mereka.

Penggunaan makna *majāzīy* juga bermaksud hidup. (Al-Fairūz Ābādiy. 2005. 75)

Makna “*al-Nuzūl*” dari Sudut Bahasa

“*Al-Nuzūl*” dari segi bahasa bermakna “*al-Hulūl*” iaitu singgah. (Al-Fairūz Ābādiy. 2005. 171). Contohnya firman Allah:

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنذَرِينَ

(Al-Qur'an. Al-Şaffat. 37: 177)

Maksudnya:

Kerana apabila azab itu turun dalam daerah dan kawasan mereka, sudah tentu buruklah hari orang-orang yang tidak mengindahkan amaran yang telah diberikan.

Ia juga membawa maksud “*Inhidār*”. Iaitu turun daripada atas ke bawah. (Ibn Manzūr.5: 656)

3. Definisi *Asbāb al-Nuzūl* dari Sudut Istilah

Imam al-Sayūṭiy mendefinisikan *Asbāb al-Nuzūl* sebagai “Berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat al-Qur’an pada hari tersebut”. Al-Sayūṭiy mengaitkan ungkapan “*Ayyam wuqu‘ih*” yang bermaksud pada hari berlakunya sesuatu peristiwa untuk mengecualikan apa yang disebut oleh al-Wāḥidiy dalam tafsiran Surah al-Fil. Al-Wāḥidiy menjelaskan bahawa sebab turun ayat tersebut ialah tentera bergajah datang untuk meruntuhkan ka’bah. (Al-Wāḥidiy. 2003. 370) Sedangkan kisah ini bukan menjadi sebab bagi turun surah al-Fil, tetapi menceritakan apa yang telah berlaku (Al-Sayūṭiy. 2002: 8)

Al-Zarqāniy mendefinisikannya sebagai “Turunnya satu ayat atau beberapa ayat al-Qur’an yang memperkatakan tentang sesuatu isu atau menjelaskan hukumnya pada hari berlaku sesuatu peristiwa”. (Al-Zarqāniy. T.th. 1: 106) Ungkapan “Pada hari berlaku sesuatu peristiwa” perlu di letakan didalam definisi *Asbāb al-Nuzūl* untuk mengecualikan ayat-ayat al-Qur’an yang diturunkan tanpa sebab. Contohnya ayat-ayat yang memperkatakan tentang perkara-perkara yang telah berlaku seperti kisah umat-umat terdahulu atau perkara yang akan berlaku seperti gambaran suasana hari Qiamat. (Al-Zarqāniy. T.th. 1: 108)

Definisi ini juga disokong oleh Dr. Māhir Yāsīn di dalam *Tahqiq dan Takhrij Asbāb al-Nuzūl* al-Wāḥidiy. (Dr. Māhir Yāsīn. 2005. 39) Alasan tambahan terhadap ungkapan “*Ayyam wuqu‘ih*” berbeza antara al-Sayūṭiy dan al-Zarqāniy. Imam al-Sayūṭiy menambahnya untuk mengecualikan ayat-ayat yang diturunkan untuk menceritakan perkara-perkara yang telah berlaku seperti cerita-cerita umat terdahulu, sedangkan al-Zarqāniy menambahnya untuk mengecualikan ayat-ayat yang diturunkan tanpa sebab. Contoh yang dikemukakan oleh al-Zarqāniy adalah sama dengan contoh yang dikemukakan oleh al-Sayūṭiy iaitu seperti kisah umat-umat terdahulu.

Dr. Şubḥi Şāliḥ pula mendefinisikan *Asbāb al-Nuzūl* sebagai: Mengetahui perkara atau peristiwa yang menjadi salah satu komponen bagi sebab turunnya sesuatu ayat al-Qur’an atau jawapan atau penjelasan tentang hukum pada hari berlakunya peristiwa tersebut. (Dr. Subḥi Şāliḥ. 2011. 132)

Daripada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *Asbāb al-Nuzūl* ialah: (Dr. ‘Imād al-Dīn Muḥammad Rashīd. 1999. 23)

Pertama: Turun sesuatu ayat al-Qur’an di zaman Nabi SAW sebagai penjelasan terhadap peristiwa yang berlaku. Contohnya perselisihan yang berlaku antara *Aus* dan *Khazraj* yang hampir berlakunya peperangan antara mereka, lalu Allah menurunkan ayat:

إِذْ هَمَّتْ طَائِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

(Al-Qur'an. Āli ‘Imrān: 3: 122)

Maksudnya: (Ingatlah) ketika dua puak dari kamu (pada hari peperangan Uhud itu) terasa lemah semangat (untuk meneruskan perjuangan) kerana takut, padahal Allah penolong dan pelindung mereka; dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakal.

Begitu juga ketika Nabi SAW bercita-cita untuk menghadap ke Masjidil Haram ketika sembahyang sebagai menggantikan Baitul Maqdis, lalu turun ayat:

قد نرى تقلب وجهك في السماء فلنولينك قبلة ترضىها فول وجهك شطر المسجد الحرام وحيث ما كنتم فولوا وجوهكم شطره وإن الذين أوتوا الكتب ليعلمون أنه الحق من ربهم وما الله بغافل عما يعملون.

(Al-Qur'an. Al-Baqarah: 2: 144)

Maksudnya: Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling menghadap kiblat yang engkau sukai. oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (tempat letaknya Ka'bah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Ka'bah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan.

Kedua: Menjawab persoalan yang ditujukan kepada Nabi SAW seperti soalan Yahudi tentang Dhu al-Qarnayn, lalu Allah turunkan ayat sebagai jawapan terhadap mereka:

ويسئلونك عن ذى القرنين قل سأتلو عليكم منه ذكرا. إنا مكنا له فى الأرض وآتينه من كل شىء سبباً. فاتبع سبباً.

(Al-Qur'an. Al-Kahfi: 18: 83-85)

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai Zulkarnain. katakanlah: "Aku akan bacakan kepada kamu (wahyu dari Allah Yang menerangkan) sedikit tentang perihalnya": Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya. Lalu ia menurut jalan (yang menyampaikan maksudnya).

4. Sumber-sumber Asbab al-Nuzul

Ketepatan maklumat tentang sebab turun sesuatu ayat adalah bersumberkan:

Pertama: Hadith yang sahih daripada Nabi SAW. Nabi SAW merupakan rujukan utama dalam mengetahui sebab turun sesuatu ayat al-Qur'an. Baginda merupakan manusia yang memahami al-Qur'an secara Ijmal dan Tafsil. Allah SWT telah memberi jaminan kepada Baginda seperti dalam firmannya:

إن علينا جمعه وقرآنه فإذا قرأناه فاتبع قرآنه ثم إن علينا بيانه.

(Qur'an: Al-Qiyamah: 17, 18, 19)

Maksudnya: Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutilah bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya.

Antara contoh penjelasan Nabi SAW tentang sebab turun ayat ialah:

أن جابر بن عبد الله الأنصاري قال وهو يحدث عن فترة الوحي فقال في حديثه بينا أنا أمشي إذ سمعت صوتاً من السماء فرفعت بصري فإذا الملك الذي جاءني بحراء جالس على كرسي بين السماء والأرض فرعبت منه فرجعت فقلت زملوني زملوني فأنزل الله تعالى { يا أيها المدثر قم فأنذر إلى قوله والرجز فاهجر }

(Al-Bukhāriy, 1986. *Ṣaḥīḥ*, Kitab Bad'u al-Wahy, bab: *Sūrah al-Muddaththir*, 1: 37: 4)

Maksudnya; Jābir bin ʿAbdullah al-Anṣāriy menceritakan tentang period wahyu. Nabi SAW menceritakan didalam salah satu hadithnya: “Ketika aku berjalan, tiba-tiba aku terdengar suara daripada langit, aku mendongak ke atas, tiba-tiba malaikat yang mendatangi aku di gua Hira’ berada di atas kerusi antara langit dan bumi, aku terlalu takut dan terus kembali dan berkata selimutlah aku! selimutlah aku!. Lalu Allah menurunkan ayat (yang bermaksud) :”Wahai orang yang berselimut!. Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaranNya! dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. Dan Segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi”. (Al-Qur’an. Al-Muddaththir. 74: 1-5)

Kedua: Riwayat daripada Sahabat Nabi SAW. Apabila memperkatakan tentang riwayat *Asbāb al-Nuzūl* daripada sahabat, terlebih dahulu perlu dibincangkan mengenai nilai tafsiran sahabat kerana *Asbāb al-Nuzūl* adalah sebahagian daripada Tafsir al-Qur’an.

Imam al-Ḥākim di dalam al-Mustadrak berkata: Tafsiran sahabat yang menyaksikan penurunan wahyu adalah dihukumkan *marfūʿ*. (Al-Ḥākim. 2002. 7: 148: 2975) Ibn al-Ṣalāh menyebut di dalam *Muqaddimah*, “Apa yang diperkatakan bahawa tafsiran Sahabat adalah berstatus hadith *Musnad*, itu hanyalah riwayat yang berkaitan dengan *Asbāb al-Nuzūl* dan sesuatu yang tidak ada ruang untuk diijtihadkan. Adapun Tafsiran Sahabat yang berbentuk ijtihad mereka dan tidak disandarkan kepada Nabi SAW, ia tergolong didalam *hadith mauqūf*”. (Ibn al-Ṣalāh. 1981. 70)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa setiap hadith *Mauqūf* yang berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* adalah dihukumkan *marfūʿ*. Setelah menyebut pendapat Imam al-Ḥākim dan Ibn al-Ṣalāh, Dr Ḥusayn al-Dhahabiy membuat kesimpulan seperti berikut: (Al-Dhahabiy. 2012. 1: 86) **Pertama:** Tafsiran Sahabat dihukumkan *marfūʿ* seandainya berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* dan perkara-perkara yang tidak boleh diijtihad. Adapun tafsiran sahabat terhadap sesuatu yang boleh diijtihadkan, ianya dihukumkan *Mauqūf* selama tidak disandarkan kepada Nabi SAW. **Kedua:** Tafsiran Sahabat yang berstatus *marfūʿ* tidak harus ditolak menurut ijma’, setiap mufassir wajib mengambilnya tanpa ada pilihan. **Ketiga:** Ulama berbeza pendapat tentang tafsiran Sahabat yang berstatus *mauqūf*: Sebahagian ulama berpendapat tidak wajib merujuk tafsiran *mauqūf* daripada Sahabat kerana ia merupakan ijtihad yang berkemungkinan tepat atau tersasar. Kedudukan sahabat dalam berijtihad menyamai manusia lain. Manakala sebahagian yang lain pula berpendapat wajib merujuk kepada Tafsiran *mauqūf* daripada Sahabat kerana kemungkinan tafsiran mereka itu diambil daripada Rasulullah SAW. Jika diandaikan mereka berijtihad, maka ijtihad mereka adalah tepat kerana mereka adalah golongan yang paling memahami al-Qur’an dan keberkatan yang mereka perolehi daripada persahabatan mereka dengan Nabi SAW. Selain dari itu mereka juga menyaksikan penurunan wahyu dan situasi terkini ketika diturunkan al-Qur’an. Mereka juga memiliki pemahaman yang sempurna dan ilmu yang sahih terutamanya ulama-ulama mereka seperti Khulafā’ al-Rashidin, ʿAbdullah Ibn Masʿud dan Ibn ʿAbbas.

Sehubungan dengan itu, Ibn Kathir menegaskan di dalam tafsirnya: “Apabila tidak didapati tafsiran sesuatu ayat itu di dalam al-Qur’an atau al-Sunnah, hendaklah dirujuk kepada tafsiran Sahabat kerana mereka arif tentang al-Qur’an. Mereka mengetahui seelok belok situasi dan peristiwa ketika diturunkan sesuatu ayat. Selain dari itu mereka juga memiliki pemahaman yang sempurna, ilmu yang sahih dan amalan salih, lebih-lebih lagi ulama mereka seperti Imam yang empat, Khulafā’ al-Rāshidīn dan ʿAbdullah bin Masʿūd”. (Ibn Kathir. 1988. 1: 4)

Kesimpulannya, riwayat *Asbāb al-Nuzūl* daripada Sahabat adalah dinilai sebagai hadith *marfūʿ* kerana sahabat tidak akan memperkatakan sesuatu tentang al-Qur’an kecuali apa yang mereka dengar daripada Nabi SAW. Seandainya sahih, hukumnya wajib diterima dan dijadikan hujah. ʿAbdullah ibn Masʿud menceritakan tentang nikmat al-Qur’an yang dikurniakan oleh Allah kepadanya:

سلوني! فوالذي لا إله إلا غيره، ما نزلت آية من كتاب الله تعالى إلا وأنا أعلم فيم نزلت، وأين نزلت ولو أعلم مكان أحد أعلم بكتاب الله مني تناله المطايا لأنتيه
(Ibn Kathir. 1988. 1: 4)

Maksudnya: Tanyalah aku! Demi Tuhan yang tiada Tuhan selainNya, tidak turun satu ayat daripada kitab Allah Ta’ala kecuali aku lebih mengetahui terhadap apakah diturunkan dan di manakah ia diturunkan, sekiranya aku mengetahui tempat seseorang yang lebih alim daripada aku tentang al-Qur’an yang boleh sampai dengan tunggangan, nescaya aku dapatkannya.

Ketokohan para Sahabat dalam bidang tafsir ini juga diakui oleh para Tabi’in seperti Masrūq bin al-Ajda’. Beliau berkata: “Aku duduk bersama-sama Sahabat Rasulullah SAW aku dapati mereka seperti lopak air, lopak air mencukupi untuk diminum oleh seorang lelaki, lopak air juga mencukupi untuk diminum oleh

dua orang lelaki, lopak air mencukupi untuk diminum oleh sepuluh orang lelaki, lopak air juga mencukupi untuk diminum oleh seratus orang lelaki, sekiranya semua penduduk dunia meminumnya, ia pasti mencukupi. Aku mendapati ^oAbdullah Ibn Mas^od seperti lopak tersebut. (Ibn Sa^od. 2001. 2: 343)

Ketiga: Riwayat daripada al-Tabi^oin. Setiap hadith yang disandarkan oleh al-Tabi^oin kepada Nabi SAW tanpa melalui sahabat dinamakan sebagai *Hadith Mursal*. *Hadith Mursal* adalah sebahagian daripada hadith *ḍa^oʿīf*. Ia telah mendominasi kebanyakan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl*. Ulama-ulama tafsir telah membincangkan kedudukan hadith *Mursal* dalam pentafsiran al-Qur'an samada diterima atau ditolak. Kebanyakan mufasssirun berpendapat, hadith mursal berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* yang disokong oleh *shawāhid* dan *mutāba^oʿat*, adalah diterima sebagai hujah.

5. Definisi *Hadith Mursal*

Dari segi Bahasa: Kalimah "*Mursal*" adalah *Ism al-Maḍḍūl* daripada "*Arsala*". Ia bermaksud: yang terpisah daripada setiap sesuatu. (Ibn Manẓūr. 2008. 6: 152) Ia juga membawa maksud: melepaskan atau membiarkan (Ibn Manẓūr. 2008. 6: 154) Al-^oAlā^oʿiy berkata: Seolah-olahnya hadith *mursal* itu dibiarkan sanadnya tidak berpaut dengan perawi yang dikenali. (Al-^oAlā^oʿiy. 1429h. 14)

Dari segi Istilah: *Mursal* ialah ungkapan *Tabi^oʿīn al-Kabīr* seperti ^oUbaidillah bin ^oAdiy bin al-Khiyār, Qays bin Abi Ḥāzim dan Sa^oʿd bin al-Musayyib: "Bersabda Rasulullah SAW" atau Rasulullah SAW telah melakukan sesuatu. (Al-Nawawiy dan al-Sayūtiy. 1979. 1: 195)

Ibn al-Ṣalāh mendefinisikan *Mursal* sebagai: Hadith yang diriwayatkan oleh *al-Tabi^oʿīn al-Kabīr* yang bertemu sekumpulan Sahabat dan duduk bersama mereka seperti ^oUbaidillah bin ^oAdiy bin al-Khiyār, Sa^oʿd bin al-Musayyib dan lainnya dengan ungkapan: "Telah bersabda Rasulullah SAW". (Ibn al-Ṣalāh. 1981. 70)

Definisi terpilih ialah: Sesuatu hadith yang disandarkan oleh Tabi^oin kepada Nabi SAW samada perkataan, perbuatan, pengakuan atau seumpamanya daripada apa yang ia dengar daripada individu lain. (Dr Murtaḍa. 1994. 121)

Hukum berhujah dengan *Hadith Mursal* Ulama berselisih pendapat tentang berhujah dengan *Hadith Mursal*:

Pendapat pertama: Harus berhujah. Antara mereka yang mengharuskan berhujah dengan *Hadith Mursal* ialah Imam Abu Ḥanīfah, Imam Mālik dan majoriti pengikut mereka, sekumpulan daripada ulama kalam seperti Abu Hashim dan Imam Ahmad bin Hanbal dalam satu riwayat. (Dr. Murtaḍa. 1994. 123)

Pendapat kedua: Tidak harus berhujah secara mutlaq. Ini merupakan pendapat jumhur *muḥaddithīn*, Imām al-Shafi^oi, majority fuqaha' dan ulama Usul. (Al-Sayūtiy. 1979. 1: 198) Sehubungan itu Imām Muslim berkata: Riwayat-riwayat *Mursal* tidak boleh dijadikan hujah menurut pendapat kami dan pendapat ahli ilmu. (Muslim. T.th.) Ibn al-Ṣalāh menegaskan: Sesungguhnya hukum Hadith *Mursal* adalah menyamai hadith *ḍa^oʿīf* kecuali apabila sahih sumbernya dengan sebab disokong oleh *mursal* yang lain. (Ibn Ṣalāh. 1981. 73)

Ibn Taimiyyah menegaskan di dalam *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*: *Hadith Mursal* menjadi medan perdebatan antara manusia. Ada yang menolak dan ada yang menerimanya sebagai hujah. Pendapat yang paling sahih ialah: Diterima, ditolak dan *mauqūf*. Orang yang terkenal memursalkan hadith daripada perawi yang thiqah, hadithnya diterima. Orang yang terkenal memursalkan hadith, kadang-kadang daripada perawi yang thiqah dan kadang-kadang tidak, hadithnya ditangguhkan (*mauqūf*). Adapun hadith *mursal* yang bertentangan dengan hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang thiqah, hadith ini ditolak. Seandainya *Hadith Mursal* diriwayatkan daripada dua wajah, dan kedua-dua perawi tersebut meriwayatkannya daripada perawi yang berbeza, ini membuktikan wujud kebenaran riwayat tersebut kerana tidak tergambar kesilapan boleh berlaku dalam keadaan begini, dan tidak mungkin berlakunya pendustaan. (Ibn Taimiyyah. 1406. 6: 106)

Ibn al-Ṣalāh menegaskan bahawa kesemua *Hadith Mursal* adalah *ḍa^oʿīf*. (Lihat Ibn al-Ṣalāh. 1981. 73) Bukanlah perkara yang mudah untuk menilai kesahihan sesuatu hadith *mursal* berpandukan kaedah yang disebut oleh Ibn Taimiyyah dan juga berdasarkan jalur-jalur (*turuq*) periwayatan. Ini semua memerlukan pengamatan yang teliti dan kemahiran yang tinggi dalam bidang hadith.

Al-Sayūtiy di dalam *Lubāb al-Nuqūl* menegaskan: "Pendapat al-Tabi^oin tentang *Asbāb al-Nuzūl* dihukumkan sebagai hadith *marfū^o* tetapi *mursal*. Ia diterima dan dijadikan hujah apabila sanadnya sahih dengan syarat perawinya terkenal berguru dengan sahabat seperti Mujahid, ^oIkrimah dan Sa^oʿid bin Jubayr dan disokong oleh *mursal* yang lain". (Al-Sayūtiy. 2002: 9)

Muqbil bin Hadiy al-Wadi^oi berkata di dalam kitabnya *al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Asbāb al-Nuzūl*: "Apabila Tabi^oin menegaskan ayat ini diturunkan pada masalah ini, ianya dinilai sebagai Hadith *mursal*,

sekiranya diriwayatkan daripada beberapa jalur (tariq) ianya diterima, sekiranya tidak, maka tidak diterima menurut pendapat yang rajih daripada kalangan al-Muḥaddithin". (Muqbil bin Hadiy al-Wāḍi'ī. 1994: 17)

Al-Dhahabiy di dalam *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* menjelaskan pendapat ulama tentang kedudukan Tafsir al-Tabi'īn samada dalam masalah-masalah lain ataupun *Asbāb al-Nuzūl* seperti berikut: (Al-Dhahabiy. 2012. 1: 117)

Sebahagian ulama berpendapat tafsir al-Tabi'īn tidak boleh dijadikan sebagai rujukan. Pendapat ini disokong oleh °Aqil dan Shu'bah. Hujah mereka ialah Tabi'īn tidak mendengar terus daripada Rasulullah SAW dan mereka tidak menyaksikan situasi dan keadaan ketika sesuatu ayat al-Qur'an diturunkan. Kemungkinan berlaku kesilapan didalam memahami sesuatu ayat dan berdalil dangan dalil yang tidak tepat. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan keadilan para al-Tabi'īn tidak dinaskan seperti para Sahabat. Sehubungan itu, Imam Abu Hanifah menegaskan: "Sesuatu yang datang daripada Rasulullah SAW dijunjung, daripada Sahabat kita pilih dan daripada al-Tabi'īn pula, mereka adalah manusia seperti kita.

Kebanyakan Mufasssirin berpendapat tafsiran al-Tabi'īn diterima kerana kebanyakan tafsiran mereka diambil daripada Sahabat. Contohnya Mujahid menegaskan: "Aku telah membentangkan Muṣḥaf kepada Ibn °Abbas sebanyak tiga kali pembentangan daripada surah al-Fatihah hingga akhir al-Qur'an, aku akan berhenti disetiap ayat dan bertanya". Qatadah pula menjelaskan: "Kesemua ayat-ayat al-Qur'an telah aku dengar tafsirannya". Sebab itulah kebanyakan Mufasssirin berpegang dengan Tafsiran al-Tabi'īn dan menukikan tafsiran mereka.

Setelah mengemukakan kenyataan diatas, al-Dhahabiy membuat kesimpulan: "Tafsiran al-Tabi'īn tidak wajib dijadikan sebagai rujukan kecuali terhadap isu yang tidak boleh diijtihad. Ia boleh dijadikan rujukan selagi tidak terdapat keraguan. Jika terdapat keraguan, seperti dirujuk kepada Ahl al-Kitab, tafsiran tersebut ditolak. Sekiranya al-Tabi'īn berijma' didalam suatu perkara, maka wajib diterima. (Al-Dhahabiy. 2012. 1: 118)

Kenyataan diatas menunjukkan al-Dhahabiy sependapat dengan al-Sayuti dan al-Wāḍi'ī iaitu diterima riwayat *Asbāb al-Nuzūl* daripada al-Tabi'īn kerana ia termasuk di dalam perkara yang tidak boleh diijtihad.

Selain daripada hadith Nabi s.a.w, riwayat-riwayat sahabar r.a dan pendapat al-Tabi'īn, kitab-kitab berikut juga menjadi sebahagian rujukan untuk mengetahui asbab al-Nuzul al-Qur'an:

"*Asbāb al-Nuzūl*" yang ditulis oleh Imam Al-Wāḍi'iy. Di dalam muqaddimahnyanya, beliau menjelaskan bahawa tujuan beliau menyusun kitab ini ialah untuk mempersembahkan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang sahih dan benar kepada pembaca. (Al-Wāḍi'iy. 2003. 14) Secara keseluruhannya, al-Wāḍi'iy mengemukakan sanad yang lengkap bagi setiap riwayat. Tetapi beliau tidak mengkritiknya. Kitab ini telah ditahqiq dan ditakhrij oleh Aiman Ṣāliḥ Sha'ḅān. Sebahagian hadithnya dihukumkan dengan sahih dan da'if. Namun terdapat sebahagian riwayat tidak dihukum oleh pentahqiq samada sahih atau da'if. Pentahqiq hanya menyebut sumber rujukan. Kitab ini juga ditahqiq, ditakhrij serta dita'liq oleh Dr. Māḅir Yāṣḅn al-Fahl. (2005) dan diterbitkan oleh Dār al-Maiman, Su'ūdiy.

"*Taqrīb al-Ma'mūl fi Tarīb Asbāb al-Nuzūl*" yang disusun oleh Al-Ja'bariy. Beliau meringkaskan kitab al-Wāḍi'iy dengan membuang sanad tanpa melakukan apa-apa tambahan. Kitabnya tidak dicetak dan masih dalam bentuk manuskrip. (Mannā° al-Qatṭān. T.th. 76)

"*Al-°Ujāb fi Bayān al-Asbāb*" yang disusun oleh Shaikh al-Islam Ibn ḅajar al-°Asqalāniy. Kitab ini merupakan salinan semula riwayat al-Wāḅi'iy di dalam *Asbāb al-Nuzūl* dan sanadnya diringkaskan, hadith-hadithnya ditakhrij dan ditashih serta dinyatakan hukumnya.

"*Lubāb al-Nuqūl fi Asbāb al-Nuzūl*" yang disusun oleh Imam Al-Sayūṭi. Jumlah hadith yang terdapat di dalam kitab ini ialah 1053 buah hadith. (Lihat al-Sayūṭiy. 2002. 10)

"*Al-Ṣaḅīḅ al-Musnad min Asbāb al-Nuzūl*" yang disusun oleh Abū °Abd al-Raḅmān Muqbil bin ḅadiy al-Wāḅi'iy. Dalam kitab ini, penulis sedaya upaya mengumpulkan sejumlah riwayat-riwayat yang sahih dan hasan berkaitan *Asbāb al-Nuzūl*. (Lihat al-Wāḅi'iy. 1994. 9-13)

"*Asbāb al-Nuzūl °an al-Ṣaḅābah wa al-Mufasssīrīn*" yang disusun oleh Al-Shaikh °Abd al-Fattāḅ al-Qaḅiy. Merupakan sebuah kitab yang sederhana besarnya. Mengumpulkan hadith-hadith berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* yang kebanyakannya dirujuk kepada al-Wāḅi'iy dan al-Sayūṭiy. Pada Muqaddimahnyanya, beliau menyebut kaedah-kaedah *Asbāb al-Nuzūl* yang di transformasikan daripada kitab *al-Itqān* yang ditulis oleh Imam al-Sayūṭiy. Beliau juga menjelaskan hanya akan menyebut hadith-hadith sahih sahaja.

“*Asbāb al-Nuzūl al-Qurānīy*” yang disusun oleh Dr. Ghaziyy Ḥusayn Muḥammad ‘Ināyah. Merupakan sebuah kitab yang sederhana besar. Penulisnya banyak merujuk kepada al-Wāḥidiyy dan al-Sayūṭiy. Keistimewaanannya ialah membincangkan kaedah *Asbāb al-Nuzūl* dengan agak terperinci yang datanya banyak ditransformasi daripada kitab *al-Burhān* oleh Imam al-Zarkasyi dan *al-Itqān* oleh Imam al-Sayitiy.

“*Al-Istī‘āb fī Bayān al-Asbāb*” yang disusun oleh Sulaim bin ‘Aid al-Halāliyy dan Muḥammad bin Mūsā Āli Naṣr. Kitab ini terdiri daripada tiga jilid. Di cetak oleh Dār Ibn al-Jauziyy. Cetakan pertama pada tahun 1425h.

Asbāb al-Nuzūl wa Atharuha fī Bayān al-Nuṣūṣ: Dirāsah Muqāranah Baina Uṣūl al-Tafsīr wa Uṣūl al-Fiqh” yang ditulis oleh Dr ‘Imād al-Dīn Muḥammad al-Rashīd. Pengarang membuat kajian perbandingan antara *Uṣūl al-Tafsīr* dan *Uṣūl al-Fiqh*. Beliau cuba menjelaskan peranan *Asbāb al-Nuzūl* dalam pentafsiran al-Qur’ān seperti *Asbāb al-Nuzūl* berperanan sebagai mentakhsiskan keumuman al-Qur’an, *Asbāb al-Nuzūl* berperanan sebagai Mentaqyidkan kemutlakan al-Qur’ān, *Asbāb al-Nuzūl* berperanan sebagai memperincikan sesuatu yang diijmalkan oleh al-Qur’an.

“*Al-Muharrar fī Asbāb Nuzūl al-Qur’ān*”: *Min Khilāl al-Kutub al-Tis‘ah: Dirāsah al-Asbāb Riwāyah wa Dirāyah* yang ditulis oleh Dr. Khālid bin Sulaiman bin al-Muzainiy. Kitab ini membincangkan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* secara terperinci. Dalam kajian literturnya, penulis memberikan komen terhadap kitab-kitab *Asbāb al-Nuzūl* secara ringkas dan jelas.

Tesis Ph.D yang bertajuk “*Asbāb al-Nuzūl: Asānīduha wa Atharuha fī Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*” yang ditulis oleh Al-Shaikh bin Jumū‘ah Sahl pada tahun 1403h/1983m daripada Universiti Umm al-Qura, Fakulti Syari‘ah dan Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Tinggi, Cawangan Kitab dan Sunnah. Penulis membincangkan tajuk-tajuk *Asbāb al-Nuzūl* dengan lebih terperinci berserta contoh.

6. Impak Negatif daripada Riwayat *Asbab al-Nuzul* yang *Da‘if*

Resapan unsur-unsur yang kurang sihat berkaitan *Asbab al-Nuzul* banyak mendominasi ruang kitab-kitab Tafsir. Riwayat-riwayat *da‘if* ini memberi kesan negatif terhadap pembaca yang kebanyakannya tidak mempunyai kemahiran dalam menilai hadith dan kedudukan perawinya. kredibiliti sesebuah kitab kecuali penulisnya membuat kritikan dan ulasan. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan sebahagian riwayat-riwayat *da‘if* tentang *Asbab al-Nuzul* ini mencetuskan implikasi-implikasi seperti berikut:

Pertama: Mencabul ke’ismahan Nabi SAW seperti kisah *al-Gharaniq*. Shaikh Muhammad Amin al-Shanqitiyy menegaskan: Kisah *al-Gharaniq* adalah perkara yang mustahil dari segi syara’, bertentangan dengan dalil-dalil al-Qur’an dan juga sesuatu yang tidak sabit dengan nas yang berautoriti yang boleh dijadikan hujah. Ramai ulama-ulama hadith telah menafikan kebenaran kisah ini. Dikalangan Mufassir pula, ramai yang meriwayatkan kisah ini daripada Ibn ‘Abbas melalui jalur al-Kalbiyy daripada Abu salih, al-Kalbiyy merupakan seorang perawi *matruk*. (Al-Shanqitiyy. 1995. 5: 285-286)

Wahbah al-Zuhailiy berkata: Tidak mungkin akal waras akan menerima atau manusia yang normal akan percaya bahawa syaitan boleh mempengaruhi wahyu Allah kerana Allah amat berkuasa terhadap sesuatu. Ia akan menghancurkan setiap pendustaan dan menutupi setiap kepalsuan. Seandainya harus berlaku demikian, nescaya hilanglah kepercayaan terhadap syari‘at Allah, dan terbatallah hukum-hukum dan syari‘at kerana ketika itu sudah tiada beza lagi antara maklumat yang bersumberkan wahyu dan resapan-resapan yang kurang sihat telah dimasukkan. (Al-Zuhailiy. 1422. 2: 1656)

Ibn Kathir berkata: banyak daripada kalangan Mufassirin menyebut kisah *al-Gharaniq* dan kembalinya sahabat-sahabat yang berhijrah ke Habshah kerana menyangka musyrikin Mekah telah memeluk Islam. Tetapi semua jalur riwayat tersebut mursal. Tidak ada satupun hadith yang diriwayatkan secara sahih. (Ibn Kathir. 1988. 3: 222)

Al-Shaukaniyy berkata: Tidak ada satu pun yang sahih tentang kisah ini, dan tidak sabit dengan apa jalan sekalipun. Al-Bazzar berkata: Kami tidak tahu tentang hadith ini diriwayatkan daripada Nabi SAW dengan sanad yang bersambung. Al-Baihaqiyy berkata: Kisah ini tidak sabit secara riwayat yang sahih, kesemua perawi kisah ini ditohmah. Ibn Khuzaimah pula menegaskan: Kisah ini merupakan rekaan golongan zindiq (anti Islam) (Al-Shaukaniyy. 1983. 3: 426)

Imam Fakhr al-Razy menegaskan: Imam al-Bukhariy meriwayatkan di dalam Sahihnya bahawa Nabi SAW membaca Surah al-Najm dan semua muslimun, mushrikun, manusia dan jin sujud, tetapi tidak pun menyebut tentang *al-Gharaniq*. Hadith ini diriwayatkan dengan berbagai jalur tetapi tidak ada satu pun yang menyebut tentang kisah *al-Gharaniq*. Sesiapa yang beranggapan bahawa harus bagi Nabi SAW mengagungkan berhala, sesungguhnya ia kufur kerana merupakan sesuatu yang *daruriy* bahawa tugas utama Nabi SAW ialah menghapuskan berhala. Selain dari itu, Nabi SAW ketika awal dakwahnya sentiasa menunaikan sembahyang secara rahsia supaya tidak diketahui oleh orang-orang mushrik kerana bimbang bacaannya didengari oleh mereka dan mereka akan menyakitinya. Bagaimana mungkin dalam kisah ini menceritakan bahawa Nabi mengumpulkan orang-orang Islam dan mushrik bersama-sama untuk mendengar bacaannya. (Al-Razy. 1990. 12: 44)

Al-Qurtubiy di dalam tafsirnya berkata: Al-Qadi 'Iyad menegaskan di dalam *al-Shifa*: Umat Islam bersepakat mengatakan bahawa Nabi SAW terpelihara daripada menyampaikan kepada umatnya sesuatu yang tidak diperintahkan kepadanya, samada secara sengaja, lupa dan tersilap. Adapun berkaitan hadith *al-Gharaniq*; ia tidak diriwayatkan oleh Imam-imam al-Sahih, dan tidak juga diriwayatkan dengan sanad yang sejahtera, bersambung dan *thiqah*. Ia hanyalah menjadi pegangan mufassir, ahli-ahli sejarah yang akan memasukan kesemua fakta tanpa mengira sahih atau *ḍa'if*. Abu Bakr al-Bazzar berkata: Kami tidak tahu hadith ini diriwayatkan daripada Nabi SAW dengan sanad yang bersambung dan harus diriwayatkannya kecuali hadith yang diriwayatkan oleh Shu'bah daripada Abu Bishr daripada Sa'id bin Jubayr daripada Ibn 'Abbas – kalau tak silap aku. (Al-Qurtubiy. 1988. 6: 55)

Kedua: Mencetuskan tohmahan *nifaq* terhadap Sahabat seperti yang berlaku terhadap Tha'labah bin Hāṭib al-Anṣāriy r.a. Berdasarkan firman Allah dan perakuan daripada Rasulullah SAW tentang kelebihan para Sahabat ini, cukup untuk membuktikan bahawa mereka bukanlah manusia biasa yang bergelumang dengan dosa-dosa keji dan sifat-sifat *madhmumah* yang biasanya terdapat pada orang-orang yang kurang iman. Walau bagaimana pun, ini tidaklah bererti mereka tidak pernah melakukan kesilapan kerana mereka bukanlah *ma'sum*. Tetapi, mengaitkan generasi yang dijamin keredaan oleh Allah S.W.T ini dengan kesilapan besar yang menjerumuskan mereka ke kancah kemunafiqan adalah sesuatu yang keterlaluan.

Antara ulama *muhaddithin* dan *Mufassirin* yang telah memberi peringatan tentang kebatilan riwayat tentang Tha'labah ialah;

Al-Baihaqiy di dalam *Dalā'il al-Nubuwwah*. Al-Baihaqiy berkata: Hadith Tha'labah ini merupakan hadith yang masyhur dikalangan *Mufassirin* dan diriwayatkan secara *mauṣūl* dengan sanad yang *ḍa'if*. (Al-Baihaqiy. 1988. 5: 375)

Ibn Hazm di dalam kitabnya *al-Muḥalla*. Setelah mengemukakan hadith berkaitan Tha'labah ini, beliau mengkritik: Tidak syak lagi bahawa kisah ini adalah satu kebatilan. (Ibn Hazm. 1352. 11: 208)

Al-Haithamiy di dalam *Majma' al-Zawaid*. Selepas menyebut riwayat tentang Tha'labah, beliau berkata: Hadith ini di hukum *ḍa'if* oleh al-Hafiz al-Dhahabiy di dalam *Mīzān al-Itidāl*, Al-Hafiz Ibn Hajar di dalam *Takhrīj Aḥādīth al-Kashshāf* mengatakan sanad hadith ini *ḍa'if Jiddan*. Kisah ini telah di hukum batil oleh ulama *Mutaqaddimīn* dan *Muta'akhkhirīn* sepaerti Ibn Hazm di dalam *al-Muḥalla*, al-Qurtubiy di dalam *Tafsir al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, al-'Iraqiy di dalam *Takhrīj Aḥādīth al-Iḥyā'* dan al-Sayutiy di dalam *Asbāb al-Nuzūl*. (Al-Haithamiy, 1412h, 7: 107)

Al-Qurtubiy di dalam Tafsirnya *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Setelah menyebut riwayat tersebut beliau mengkritik; Tha'labah ialah seorang sahabat yang pernah ikut serta dalam perang Badar dan merupakan seorang Ansar, keimanannya disaksikan oleh Allah dan Rasulnya. Oleh itu apa yang diriwayatkan berkaitan dengan Tha'labah adalah tidak sahih. (Al-Qurtubiy. 1988m. 4:133)

Al-Shaikh Rashīd Riḍa telah menyebut riwayat Tha'labah di dalam tafsirnya secara lengkap, lalu beliau mengkritik dengan berkata: Terdapat beberapa persoalan dalam hadith ini tentang sebab turun ayat (iaitu ayat 75 Surah Taubah), persoalan juga timbul apabila taubat Tha'labah tidak diterima, sedangkan berdasarkan zahir hadith, taubat Tha'labah adalah taubat yang sebenar kerana beliau menangis ketika bertaubat. Sepatutnya beliau dilayan seperti layanan secara zahir yang diberikan terhadap golongan Munafiqun. Zahir hadith juga menjelaskan bahawa beliau mati dalam keadaan munafiq dan tidak bertaubat daripada sifat bakhilnya? Dan

bahawasanya Nabi SAW dan Khalifah-khalifahnyanya melayan beliau dengan layanan begitu (iaitu enggan menerima zakat Tha'labah), bukan dilayan berdasarkan zahir syari'at. Ini merupakan sesuatu yang tiada bandingan di dalam Islam. (Muhammad Rashīd bin Ali Riḍa, 1947, 10:484)

Al-Hafiz Ibn Kathīr telah meriwayatkan kisah Tha'labah seperti lafaz yang diriwayatkan al-Imam al-Ṭabranīy tanpa membuat sebarang ulasan. (Ibn Kathīr, 1408h/1988m, 2: 357-358) Al-Shaikh Nāsir al-Dīn al-Albānīy berkata: Hadith Tha'labah ini telah diserapkan oleh Ibn Kathīr ke dalam Tafsirnya tanpa membuat ulasan. Namun beliau meriwayatkan hadith ini dengan sanad yang lengkap daripada Ma'an bin Rifā'ah. Ini adalah sebagai isyarat bahawa hadith ini *ma'lūl*. Muhammad 'Ali al-Sabuniy seolah-olah terperangkap dengan sikap Ibn Kathīr ini. Beliau telah mentashihkan riwayat Tha'labah ini di dalam kitabnya *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr* kerana menyangka bahawa Ibn Kathīr juga menghukum hadith ini sebagai sahih. (Al-Albānīy, 1422h/2001, 9: 81)

7. Penutup

Asbab al-Nuzul al-Qur'an adalah sesuatu yang *tauqifiy* yang tidak boleh diijtihadkan. Kesemua pengetahuan tentangnya adalah berdasarkan hadith-hadith sahih daripada Nabi s.a.w dan riwayat daripada sahabat r.a yang menyaksikan penurunan al-Qur'an dan memahami situasi penurunan sesuatu ayat al-Qur'an. Mereka merupakan generasi yang paling memahami al-Qur'an dan hukum hakam. Setelah berakhirnya generasi terunggul ini, pengetahuan tentang ilmu *Asbab al-Nuzul* dirujuk kepada Tabi'in yang merupakan murid kepada sahabat. Namun sebahagian ulama menolak periwayatan *Asbab al-Nuzul* daripada Tabi'in kerana mereka tidak menyaksikan penurunan wahyu dan keadilan mereka tidak dijamin seperti sahabat r.a. Namun sebahagian ulama menerima riwayat mereka yang terkenal berguru dengan sahabat. Memastikan kesahihan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* menjadi satu kewajipan bagi orang yang menceburkan diri dalam bidang pentafsiran al-Qur'an supaya tafsirannya tidak tersasar. Namun terdapat segelintir masyarakat yang tidak mementingkan sumber pengambilan riwayat *Asbab al-Nuzul* ini. Mereka menganggap bahawa kesemua riwayat atau hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab agama seperti fiqh, Akidah, Hadith atau Tafsir itu sebagai sahih. Pada hemat mereka adalah mustahil bagi ulama-ulama yang menulis kitab-kitab agama itu jahil tentang kedudukan sesuatu hadith. Lantaran itu, mereka menerima kesemua fakta yang disampaikan oleh ulama-ulama di dalam kitab-kitab mereka. Kadang-kadang terdapat golongan yang sanggup menolak hadith sahih dan menerima pakai hadith palsu kerana hadith tersebut disebut oleh ulama dalam kitab mereka. Setiap umat wajib memastikan kesahihan sesuatu hadith sebelum ianya disebarkan dan diamalkan.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

°Abdullah bin Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Ctk-12. 1995. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.

Al-°Ala'iy. Salah al-Din Khalil bin Kaikalidīy bin Abdullah Abu Sa'id. *Majmu' Rasail al-Hafiz al-°Ala'iy*. 2008m/ 1429h. Al-Faruq al-Hadithah li al-Tiba'ah wa al-Nashr. Tahqiq: Wa'il Muhammad Bakr Zahran. Al-Albaniy. Abu °Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin Nuh Najatīy bin Adam. 2001m/1422h. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah wa Shai' min Fiqhiha wa Fawaiduha*. . Cet kedua. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi°.

Al-Baihaqiy. Abu Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin °Ali. 1988M. *Dalāil al-Nubuwwah*. Cet pertama. Bairut - Lubnan: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah. Tahqiq: Dr °Abd al-Mu'ṭiy Qal°ajiy.

Al-Bukhāriy. Abu °Abdullah Muḥammad bin Ismā'īl. T.th. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Faiṣal °Isa al-Babiy al-Ḥalabiy. Fairuz Abadiy, Muhammad bin Ya°qub Majd al-Din. *Al-Qamus al-Muhit*. 1426h/ 2005m. Muassasah al-Risalah.

Fakhr al-Dīn al-Raziy. Muḥammad bin °Umar bin al-Ḥusayn bin al-Ḥasan bin °Ali al-Tamimiy al-Bakriy. 1990M/1411H. *Al-Tafsīr al-Kabīr: Mafātīḥ al-Ghaib*. Cet pertama. Bairut, Lubnan: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.

Al-Haithami Nur al-Din Ali bin Abu Bakr. 1412H. *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*. Bairut. Dar al-Fikr.

Al-Ḥākim. Muḥammad bin °Abdullah al-Ḥākim al-Naisābūriy Abu °Abdullah. 2002M/1422H. *Al-Mustadrak °ala al-Ṣaḥīḥayn*. Cet kedua. Bairut-Lubnan: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah. Tahqiq: Muṣṭafa °Abd al-Qādir °Aṭa.

Husain al-Dhahabiy. Dr. 1433h/ 2012m. *Al-Tafsīr wa al-Mufasssirun*. Dar al-Hadith. Al-Qahirah.

Ibn Ḥazm al-Andalūsiy. Abu Muḥammad °Ali bin Aḥmad bin Sa'id. 1352H. *Al-Muḥallā bi al-Āthār*. Al-

- Maṭba'ah al-Muniriyyah. Tahqiq: Aḥmad Muḥammad Shākīr.
- Ibn Kathīr. 'Imād al-Dīn Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr. 1988M /1408H. *Tafsīr al-Qur'ān al-ʿAzīm*. Cet pertama. Al-Qahirah: Dar al-Hadīth.
- Ibn Manzūr. Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukrim al-Afrīqiy al-Miṣriy. 2008M. *Lisān al-ʿArab*. Cet keenam. Bairut: Dār Ṣādir.
- Ibn Sa'd. Muḥammad bin Sa'd bin Mani' al-Zuhriy al-Baṣriy. 2001. *Al-Ṭabaqāt al-Kubra*. Bairut: Dār Bairut.
- Ibn Taimiyyah. Taqiy al-Dīn Abu al-ʿAbbas Aḥmad bin 'Abd al-Halim bin Taimiyyah. 1406h/ 1986m. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Naqd Kalam al-Syi'ah al-Qadariyyah*. Al-Nashir: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah. Tahqiq: Muhammad Rashad Salim.
- 'Imād al-Dīn Muḥammad al-Rashīd. Dr. 1999M/1420H. *Asbāb al-Nuzūl wa Atharuha fi Bayān al-Nuṣūṣ: Dirāsah Muqāranah baina Uṣūl al-Tafsīr wa Uṣūl al-Fiqh*. Dār al-Shihāb.
- Al-ʿIrāqiy. Zain al-Dīn Abu al-Faḍl 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn. 1981M. *Al-Taḡyīd wa al-Īḍāḥ*. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr.
- Manna' al-Qaṭṭān. T.th. *Mabāḥith fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Al-Ḥaramayn.
- Muhammad Rashid Rida. 1366h/ 1947m. *Tafsīr al-Manar*. Dar al-Manar.
- Al-Murtaḍa al-Zain Aḥmad. Dr. 1994m/1415h. Cet-1. *Manahij al-Muḥaddithin fi Taqwiyyah al-Aḥādith al-Hasanah wa al-Ḍa'īfah*. Maktabah al-Rushd-Riyāḍ
- Al-Qurṭubiy Abu Abdullah Muhammad bin Aḥmad al-Ansariy. *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* 1408/1988. Cet-1. Bairut. Lubnan: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Shanqīṭiy. Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Mukhtār al-Jakaniy. T.th. *Aḍwā' al-Bayān fi Īḍāḥ al-Qur'ān bi al-Qur'ān*. Bairut: 'Ālim al-Kutub.
- Al-Sayūṭiy. Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abu Bakr. 2002M/1422H. *Lubāb Al-Nuqūl fi Asbāb al-Nuzūl*. Bairut-Lubnan: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Sayūṭiy. Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. 1979M. *Tadrīb al-Rāwī fi Sharḥ Taqrīb al-Nawawiy*. Cet kedua. Bairut, Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Shaukāniy. Muḥammad bin 'Ali. 1983M/1403H. *Fatḥ al-Qadīr al-Jāmi' baina Fannai al-Riwāyah wa al-Dirāyah min 'Ilm al-Tafsīr*. Bairut, Lubnan: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzī'.
- Subhi Saleh. Dr. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. 2011. Dar al-ʿIlm li al-Malayin.
- Al-Wādi'ī. Abu 'Abd al-Raḥmān Muqbil bin Hādī. 1994M/1415H. *Al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Asbāb al-Nuzūl*. Cet kedua. Bairut-Lubnan: Dār Ibn Ḥazm/ Ṣan'a'-Yaman: Maktabah Dār al-Quds.
- al-Wahidiy. Abu al-Hasan Ali bin Aḥmad bin Muhammad bin Ali. *Asbāb al-Nuzūl*. 2002M/1424H. Dār al-Hadīth al-Qāhirah. Tahqiq: Aiman Ṣāliḥ Sha'bān.
- Al-Zuhailiy. Dr. Wahbah bin Muṣṭafa. 1418H. *Al-Tafsīr al-Munīr*. Cet kedua. Dimasq: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.
- Al-Zarqāniy. Muḥammad 'Abd al-ʿAzīm. T.th. *Manāhil al-ʿIrfān fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Maṭba'ah Dār Iḥya' al-Kutub al-ʿArabiyyah.
- Al-Zamakhsyariy . Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar Cet-3, 2009. *Tafsīr al-Kasyshaf' an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Dar al-Ma'rifah, Bairut – Lubnan.